

Dr Muhammad Akmal Remli

Pengarah Institut Kepintaran
Buatan dan Data (AIBIG)
Universiti Malaysia Kelantan

Soalan (S): Wujud kebimbangan AI disalahgunakan sehingga mengancam keselamatan. Bagaimana memastikan kebimbangan ini diatasi?

Jawapan (J): AI semakin berkembang pesat pada masa sekarang terutama selepas kewujudan LLM dan AI Generatif (GenAI). Penghasilan kandungan berupa foto, video, bunyi, penulisan dan apa sahaja dilihat mampu dihasilkan AI, dan sebahagiannya amat realistik dan sukar dibezakan antara tulen dan palsu. Perkembangan begini pastinya menimbulkan kegusaran pelbagai pihak melihat AI boleh mengancam keselamatan.

Kegusaran penyalahgunaan terhadap teknologi baharu muncul adalah perkara normal. Usaha berterusan perlu dilaksanakan bagi memberi kefahaman dan pengetahuan terhadap AI. Pengetahuan ini mesti disepadukan dengan baik mengikut disiplin ilmu dan dapat disampaikan kepada semua lapisan masyarakat.

Setiap jenis ancaman akan timbul disebabkan AI mesti diteliti dan perancangan untuk mengatasinya perlu dilaksanakan. Kita perlu lebih mendalam AI. Mendidik masyarakat terhadap etika penggunaan AI agenda sangat penting. Bagaimanapun, tidak boleh terlalu memomokkan bahaya AI kerana ia boleh rencatkan perkembangannya.

S: Komen terhadap usaha kerajaan melaksanakan Program AI untuk Rakyat dilancarkan Perdana Menteri baru-baru ini?

J: Dalam konteks perkembangan ilmu, ia sangat baik. AI sudah menjadi agenda utama global, tetapi sasaran penerimaan di Malaysia agak kecil mungkin hanya membabitkan universiti, pelajar dan industri berminat. Namun, dengan Program AI untuk Rakyat, ia satu inisiatif kerajaan bagi memberi kefahaman dan asas jelas serta mudah difahami kepada masyarakat.

Perlu dilihat fokus utama bagaimana gerak kerja pelaksanaan dapat dibuat bagi membolehkan ia sampai dan memberi kesan kepada semua lapisan masyarakat. Promosi dalam memberi kesedaran dan menimbulkan minat untuk mempelajari asas AI perlu ditekankan supaya menarik lebih ramai golongan menyertai program itu dan memberi impak positif kepada perkembangan AI di Malaysia.

Pembangunan teknologi AI perlu selari nilai kemanusiaan, adab

Kepesatan teknologi maklumat (IT) dan kewujudan peranti pintar menyebabkan wujud kumpulan 'wartawan rakyat'. Hakikatnya, tidak semua mereka adalah wartawan terlatih terutama dari segi etika fitnah dan kewibawaan maklumat yang diketengahkan. Kini, kemajuan terkini kecerdasan buatan (AI) melalui aplikasi model bahasa besar (LLM) seperti ChatGPT atau aplikasi boleh menghasilkan foto atau video yang merakam peristiwa menjadikan sesiapa sahaja boleh menyebarkan maklumat. Sejauh manakah kita bersedia dengan perubahan kritikal ini.

Oleh Rohaniza Idris

roha@bh.com.my

S: Wujud kebimbangan manipulasi dan eksploitasi bahan berunsurkan agama, kaum dan politik menerusi media sosial hingga gugat keselamatan.

J: Sesiapa sahaja boleh buat kandungan, menjadi artis atau wartawan dalam media sosial. Kebimbangan manipulasi dan eksploitasi perlu ada, terutama membabitkan isu seperti 3R (kaum, agama, Raja) atau perbezaan politik ekstrem mengganggu keharmonian serta keselamatan negara.

Dalam konteks eksploitasi data media sosial, sudah banyak penyelidikan dan pembangunan (R&D) AI dilaksanakan. Ia bergantung kepada tujuan dan matlamat ingin dicapai sesuatu pihak. Matlamat itu boleh jadi baik atau sebaliknya. Dari sudut teknologi, memang wujud pelbagai penyelidikan AI seperti membolehkan kita mengesan atau menapis kandungan media sosial mempunyai unsur kebencian, berat sebelah dan berita palsu. Namun, ia

tidak mencukupi dan tidak menyelesaikan masalah ini. Pendidikan keselamatan internet dan etika serta adab berinteraksi dalam media sosial perlu ditekankan.

S: Apa pandangan mengenai kepesatan teknologi ciri 'tanpa nama' menyebabkan sukar mengawal kewujudan penyalahgunaan teknologi, terutama dalam kalangan laskar siber?

J: Anonymus atau tanpa nama di alam siber berlaku sejak awal kewujudan internet dan sebelum kewujudan media sosial. Ia mempunyai pelbagai matlamat atau kepentingan masing-masing. Penggodam misalnya, ingin menggodam laman web atau rangkaian dalam talian sebab diupah pihak tertentu, atau menyuarakan ketidakpuasan atau hanya menguji kemahiran keselamatan internet dipelajari manakala dalam media sosial sekarang ini dilihat terlalu banyak 'anonymus'.
Agak sukar hendak

mengawal kewujudan atau penyalahgunaan teknologi ini. Mungkin ada 'anonymus' tidak minat berinteraksi menggunakan media sosial dan hanya sekadar melihat berita dan membaca sahaja. Muncul juga ramai laskar siber mempunyai agenda masing-masing, yang baik dan buruk. Kesukaran kawalan ini disebabkan penggunaan platform atau aplikasi media sosial bukan hak milik kita seperti Facebook, X dan pelbagai lagi.

Kita tidak mempunyai kapasiti mengawal peraturan itu, melainkan jika kita sendiri membina media sosial versi Malaysia. Di China misalnya, bermula pada tahun lalu sudah ada satu inisiatif untuk mula menghapuskan 'anonymity' oleh setiap syarikat media sosial mereka. Walaupun China menyekat Facebook, mereka mempunyai pelbagai alternatif aplikasi sosial sendiri.

Banyak pembaharuan dilaksanakan dari segi menambah baik ciri ketulenan pengguna media sosial perlu memaparkan lokasi mereka, alamat IP serta nama sebenar. Mungkin lama kelamaan akan menyelesaikan isu 'anonymity'.

S: Kewujudan AI seperti ChatGPT dan aplikasi kreatif menambahkan bahaya gejala laporan palsu atau kesamaran. Apa pandangan?

J: Era aplikasi AI seperti ChatGPT atau GenAI baru bermula. Bermakna, perkembangan ini akan lebih pesat pada masa akan datang. Banyak syarikat sedang membangunkan aplikasi GenAI dalam pelbagai sektor. Sebelum ini, kita tidak boleh bayangkan hanya dengan satu

perenggan arahan mampu menghasilkan gambar realistik seperti gambar sebenar. Satu ayat arahan mampu menjana satu tesis pelajar. Akibatnya, semua ini terdedah kepada isu kepalsuan atau ketulenan. Ini tidak dapat dielakkan. Sebagai contoh, ramai yang berkongsi pelbagai gambar dijana menggunakan GenAI.

Maka, pengguna dapat membezakan dengan jelas gambar itu tulen atau palsu. Ini bermaksud jika ia digunakan dengan etika yang betul, kita mampu mengenal pasti ia sesuatu berita benar atau tidak. Kita mampu untuk menghadapi situasi ini jika ada asas yang baik. Semua lapisan masyarakat harus mempunyai pengetahuan asas AI dan sentiasa menyemak sumber berita atau apa-apa sahaja berkaitan.

S: Apa aspek penting perlu ada dalam program celik AI untuk bantu orang awam faham teknologi ini?

J: Kita perlu menimbulkan minat orang awam mengikuti program ini, terutama mereka yang tidak memahami AI atau sukar mendapat maklumat mengenai AI. Bagi golongan terpelajar atau profesional, mungkin sesi pembelajaran sendiri tiada masalah namun, kita perlu fikir golongan warga emas, orang kampung.

Kementerian boleh merangka strategi bagaimana AI Untuk Rakyat mampu sampai ke golongan benar-benar mempunyai kekangan atau akses terhadap ilmu itu. Pelbagai promosi dan aktiviti perlu dilaksanakan di setiap negeri dan daerah dalam meningkatkan kesedaran terhadap AI.

Lihat Muka 13

“ Kita mampu menghadapi situasi ini jika ada asas yang baik. Semua lapisan masyarakat harus ada pengetahuan asas AI dan sentiasa menyemak sumber berita atau apa-apa sahaja berkaitan ”



Pelbagaikan aktiviti tingkat kesedaran rakyat

Dari Muka 12

Di Kelantan umpamanya, kita mempunyai pusat kecemerlangan penyelidikan AI (AIBIG) ditubuhkan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sejak 2017.

AIBIG melaksanakan penyelidikan, pembangunan dan latihan AI serta teknologi berkaitan. Impaknya ramai

staf, pelajar dan masyarakat serta industri sekitar memperoleh pendedahan itu. Namun, ia perlu dipertingkatkan lagi.

S: Sejauh mana usaha kerajaan ketika ini dapat mendidik masyarakat 'celik kebenaran'?

J: Saya tertarik dengan seorang agamawan mempunyai pendirian jelas dalam hal ini.

Perkembangan teknologi akan meningkat dari semasa ke semasa. Begitu juga dengan kemahiran. Semua untuk kebaikan dan membantu tugas serta kehidupan manusia, namun yang menjadi perdebatan adakah peningkatan kemahiran atau teknologi akan menyebabkan kita kehilangan perkara lain seperti nilai kemanusiaan, etika dan adab.

Umpamanya jika menggunakan ChatGPT untuk belajar tanpa berguru, ini akan meninggalkan kesan terhadap kemahiran lain seperti adab dengan guru atau kemahiran menyemak kesahihan maklumat. Sebagai contoh dari segi ilmu agama, mereka yang mempunyai ilmu mendalam boleh membezakan maklumat betul dan palsu.

Demikian juga bidang lain. Sudah tentulah keupayaan individu tidak sama menapis maklumat atau menyemak ketulenan sesuatu berita.

Ada yang mempunyai pelajaran tinggi juga tidak dapat membezakan berita palsu atau benar. Ini boleh jadi disebabkan kecuaiannya atau tidak mempunyai asas baik dalam penyebaran berita.